



**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI**
ARAS 6, BLOK B2
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

MAMPU

Telefon : 03-88881199
Faks : 03-88883721
Laman Web : www.mampu.gov.my

UPTM(S) 159/642/15-29 (34)
16 Oktober 2009

Seperti di Senarai Edaran


MEMOHON KEBENARAN UNTUK MEMPROMOSI ACARA *MALYSIAN GOVERNMENT OPEN SOURCE SOFTWARE CONFERENCE (MYGOSSCON) 2009*

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa MAMPU akan menganjurkan ***Malysian Government Open Source Software Conference (MyGOSSCON) 2009*** pada **5 dan 6 November 2009** bertempat di **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)**. Persidangan ini akan dirasmikan oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

3. Persidangan dengan tema "***Leveraging Open Source Software (OSS) To Ride The Economic Wave***" ini adalah bertujuan untuk:

- a) Menggalakkan penggunaan OSS bagi meningkatkan kualiti penyampaian Perkhidmatan Awam di masa keadaan kegawatan ekonomi;
- b) Memperkembangkan pembangunan dan pelaksanaan OSS di Sektor Awam;
- c) Memperluaskan kerjasama antara komuniti OSS, bisnes, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta Sektor Awam;
- d) Merangsang dan meningkatkan pertumbuhan industri ICT tempatan; dan
- e) Menyediakan platform perkongsian ilmu dan pengalaman.



4. Sehubungan dengan itu, MAMPU ingin memohon kebenaran pihak Tuan untuk mempromosikan acara ini di sekitar universiti dengan meletakkan poster di kawasan yang dibenarkan. Poster berkenaan adalah seperti yang dilampirkan.

5. Pihak Tuan turut dijemput untuk menyertai Peraduan Pembangunan Aplikasi Web Sumber Terbuka 24 Jam (24-hour Open Source Web Application Development Contest) yang akan diadakan bersempena dengan persidangan ini. Penyertaan untuk peraduan pengaturcaraan ini dibuka untuk semua pelajar Malaysia dan semua kakitangan kerajaan & swasta. Penyertaan hanya dibuka secara berpasukan (2-5 orang dalam satu pasukan). Peraduan akan berlangsung pada 4-5 November 2009. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://mygosscon.oscc.org.my/2009/24h-oss-webdev-contest/>.

6. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan boleh diajukan kepada Puan Lailati Binti Mohd di lailati@mampu.gov.my (03-8872 6271 / 012 – 396 3945) atau Puan Maziahtul Akmam Ahmad Murtadza di maziahtul@mampu.gov.my (03-8872 5168 / 017 - 680 2425).

Sekian, terima kasih.

“BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MUHAMMAD ROSLI BIN ABDUL RAZAK)

b.p Ketua Pengarah

Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan

Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Jabatan Perdana Menteri

No.Tel : 03-8872 5161

Emel : m.rosli@mampu.gov.my